

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan satu unit ekonomi.

Unit ekonomi X membuat pilihan kerana kekurangan sumber ekonomi

Pernyataan manakah yang betul tentang unit ekonomi X?

- A Meningkatkan keuntungan dengan meminimumkan kos pengeluaran
- B Mengutamakan kebajikan rakyat daripada projek pembangunan
- C Memaksimumkan kepuasan melalui perbelanjaan berhemah
- D Membolehkan keperluan demi keselesaan pengguna

- 2 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat X.

Keluaran (unit)	Intensif Buruh	Intensif Modal
Baju	100	60
Seluar	60	100

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A 40 unit baju
  - B 60 unit baju
  - C 100 unit seluar
  - D 160 unit seluar
- 3 Maklumat berikut berkaitan penyelesaian satu masalah asas ekonomi oleh dua buah negara.




Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara X	Negara Y
A	Campuran	Kapitalis
B	Kapitalis	Campuran
C	Campuran	Perancangan Pusat
D	Perancangan pusat	Campuran

- 4 Pernyataan manakah menunjukkan matlamat utama dalam ekonomi Islam?
- Membasmi kemiskinan dalam negara
  - Mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat
  - Kekayaan negara mesti agihkan secara adil dan saksama
  - Merapatkan jurang pendapatan golongan kaya dengan golongan miskin

- 5 Rajah 1 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.



Rajah 1

Antara yang berikut, maklumat manakah yang betul tentang rajah di atas?





- Perubahan titik Z ke Y disebabkan oleh peningkatan subsidi
  - Perubahan titik X ke Y disebabkan oleh pengurangan kuasa beli
  - Perubahan titik Y ke Z disebabkan oleh kenaikan harga barang penggenap
  - Perubahan titik Y ke Z disebabkan oleh pengurangan cukai pendapatan individu oleh kerajaan
- 6 Maklumat berikut menunjukkan harga barang A dan kuantiti diminta barang B.

Harga Barang A (RM)	Kuantiti Diminta Barang B(unit)
Meningkat	Menurun
Menurun	Meningkat


Contoh pasangan yang manakah **betul** tentang kedua-dua barang tersebut?

	Barang A	Barang B
A	Milo	Kopi
B	Garam	Gula
C	Kereta	Petrol
D	Komputer	Televisyen

7 Pilih pasangan yang **betul** tentang perubahan permintaan terhadap suatu barang di pasaran.

	<b>Penentu Permintaan</b>	<b>Keluk Permintaan</b>
A	Harga barang penggenap menurun	
B	Kerajaan meningkatkan jumlah pelepasan cukai pendapatan individu	
C	Peningkatan dalam pendapatan individu	
D	Harga barang dijangka meningkat pada masa hadapan	

- 8 Rajah 2 merupakan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul?

- A Perubahan harga melebihi perubahan kuantiti
  - B Keluk penawaran adalah tidak anjal
  - C Berlakunya perubahan penawaran
  - D Contoh barang adalah kamera
- 9 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
Mac	8	6
April	10	4

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga naik dari RM8 ke RM10?

- A 0.40
- B 0.75
- C 1.33
- D 2.50


- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran kenderaan elektrik.

Kerajaan menawarkan insentif dalam bentuk pengecualian cukai langsung dan tidak langsung bagi aktiviti pemasangan atau pengilangan kenderaan elektrik.


*Sumber: Diubah suai daripada astroawani.com, 5 Oktober 2021*

Rajah yang manakah betul bagi situasi tersebut?


A




B



C




D



- 11 Nilai pekali keanjalan permintaan telefon bimbit adalah lebih daripada satu manakala pekali keanjalan makanan kurang daripada satu. Pernyataan manakah benar berkaitan tindakan pengeluar untuk meningkatkan hasil ?
- Menurunkan harga telefon bimbit dan harga makanan supaya permintaan meningkat
  - Meningkatkan harga telefon bimbit dan menurunkan harga makanan
  - Menurunkan harga telefon bimbit dan menaikkan harga makanan
  - Meningkatkan harga telefon bimbit dan harga makanan
- 12 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti daging diminta

Bulan	Harga daging (RM)	Kuantiti diminta (KG)
Mac	10	20
April	8	30

- Pernyataan yang manakah benar apabila harga turun dari RM10 ke RM 8
- Penurunan kuantiti daging yang diminta kerana pengeluar yang bermatlamatkan keuntungan
  - Faktor penentu permintaan daging adalah faktor ramai penternak lembu
  - Pekali keanjalan permintaan daging lebih daripada satu
  - Kuantiti daging diminta berubah akibat musim perayaan
- 13 Rajah 3 berkaitan dengan penawaran rumah mampu milik oleh pengeluar.



Rajah 3

Mengapakah berlaku perubahan keluk  $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$  ?

- Matlamat pengeluar adalah memaksimumkan keuntungan
- Kerajaan mengenakan harga kawalan ke atas simen
- Dasar kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar
- Kerajaan menetapkan upah minimum

- 14 Antara berikut, yang manakah fungsi bank pusat menguruskan hutang negara?
- A Menguruskan pinjaman kerajaan dari dalam dan luar negara  
B Menguruskan akaun penjelasan antara bank perdagangan  
C Memberi nasihat pelaburan kepada bank perdagangan  
D Memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan
- 15 Perbezaan upah pekerjaan antara individu disebabkan oleh faktor berikut **kecuali**
- A kelayakan akademik yang tinggi maka gajinya tinggi  
B risiko dalam pekerjaan tinggi maka gajinya tinggi  
C kekuatan kesatuan sekerja  
D kekuatan fizikal
- 16 Puan Mariam guru berpencen. Beliau menerima pencen bulanan RM4 500 dan ganjaran RM270 000 digunakan untuk membuka perniagaan IKS. Sebahagian daripada ganjaran digunakan untuk menabung di Permodalan Nasional dengan cara membeli Amanah Saham Bumiputera. Antara berikut, yang manakah jenis pendapatan yang diperoleh Puan Mariam?
- A Bayaran pindahan, untung dan dividen  
B Sewa, dividen dan bayaran pindahan  
C Untung, sewa dan untung  
D Upah, untung dan sewa
- 17 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- I Tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan  
II Mempunyai pilihan barang yang pelbagai jenis  
III Dimiliki untuk mengamalkan gaya hidup masa kini  
IV Wujud campur tangan kerajaan dalam penentuan harga barang
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 18 Pernyataan yang manakah betul tentang pengeluaran
- A Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada hubungan input tetap dengan output dalam proses pengeluaran  
B Firma berupaya menyesuaikan tingkat keluaran mengikut kehendak pasaran dalam jangka masa pendek  
C Input berubah mempunyai hubungan yang negatif dengan tingkat output  
D Input tetap boleh menjadi input berubah dalam jangka masa panjang

19 Fungsi pengeluaran dapat menunjukkan

- A Gabungan input yang cekap untuk mengeluarkan output
- B Penggunaan input berubah bermula pada pengeluaran sifar
- C Kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka panjang
- D Penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka pendek

20 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	1200 unit
Harga jualan seunit	:	RM30.00
Kos Purata	:	RM20.00

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM10 000
- B RM12 000
- C RM16 000
- D RM20 000

21 Rajah 4 berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan dalam sektor ekonomi.



Rajah 4

Apakah kos sosial yang berlaku?

- A Kawasan berhampiran berpotensi berkembang pesat
- B Meningkatkan akses kepada kemudahan sosial
- C Kemusnahaan tapak warisan dan budaya
- D Harga tiket keretapi yang tinggi


22 Rajah 5 menunjukkan perbualan antara beberapa orang suri rumah.



Rajah 5

Apakah langkah yang wajar dilaksanakan oleh kerajaan?

23 Rajah 6 menunjukkan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar.



Rajah 6

Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar tersebut?

- A Pengeluar mampu menampung kos pengeluaran
- B Mengelakkan eksloitasi terhadap pengguna
- C Mengawal keuntungan syarikat besar
- D Berlaku lebihan penawaran

- 24 Apakah punca utama inflasi tarikan permintaan?
- A Penurunan kos bahan mentah  
 B Peningkatan pelepasan cukai  
 C Eksport melebihi import  
 D Kejatuhan nilai RM
- 25 Pernyataan yang manakah benar tentang kesan kenaikan harga barang secara berterusan ?
- A Harga barang eksport menjadi murah  
 B Kadar pengangguran meningkat  
 C Jumlah tabungan meningkat  
 D Kadar faedah meningkat
- 26 Jadual 2 menunjukkan harga beberapa barang runcit.

Senarai Harga Barang Terkini		
	2021	2022
RM8	BROKOLI 	RM20
RM13	CILI 	RM19
RM5.90 / sekilo	AYAM 	RM7.99 / sekilo
RM6 Gred C	TELUR 	RM11.69 Gred C

Jadual 2

- Berdasarkan perubahan harga barang-barang tersebut, apakah tindakan yang perlu diambil oleh bank pusat?
- A Meningkatkan kadar cukai pendapatan  
 B Meningkatkan kadar rizab berkanun  
 C Mengurangkan keperluan cagaran  
 D Menurunkan kadar faedah
- 27 Apakah tujuan utama dasar fiskal mengembang?
- A Menyelesaikan masalah lebihan permintaan  
 B Meningkatkan permintaan aggregat  
 C Mengurangkan kadar inflasi  
 D Meningkatkan hasil negara

- 28 Pernyataan yang manakah menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?
- A Perluasan pilihan pengguna  
B Menikmati harga barang yang lebih murah  
C Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain  
D Pemindahan dan penggunaan teknologi lebih pesat
- 29 Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang yang diimport?
- A Tarif  
B Kuota  
C Embargo  
D Kawalan pertukaran asing
- 30 Pernyataan yang manakah betul berkaitan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
- A Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong  
B Pengembangan industri penggantian import  
C Pembukaan lapangan terbang baharu  
D Memiliki ICT yang lengkap
- 31 Antara yang berikut, manakah yang merupakan komponen yang terdapat dalam akaun semasa?
- I Akaun barang  
II Derivatif kewangan  
III Akaun pelaburan langsung  
IV Akaun pendapatan sekunder
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 32 Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu fenomena ekonomi.

Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, trend harga minyak mentah global telah menjunam lebih 50%.

Antara yang berikut, akaun manakah dalamimbangan pembayaran akan terjejas?

- A Akaun dagangan dan akaun semasa  
B Akaun perkhidmatan dan akaun modal  
C Akaun pendapatan dan akaun pelaburan langsung  
D Akaun pindahan semasa dan akaun pelaburan portfolio

33 Mengapakah sesebuah negara memerlukan pertukaran asing?

- A Untuk membayai import negara
- B Untuk membayai eksport negara
- C Untuk membayai perbelanjaan mengurus
- D Untuk membayai perbelanjaan pembangunan

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Keluk permintaan menunjukkan kuantiti diminta pada setiap tingkat harga.  
II Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- 35 I Pendapatan boleh guna boleh dibelanjakan untuk membeli barang dan perkhidmatan.  
II Zakat merupakan potongan wajib dalam pengiraan pendapatan boleh guna.
- 36 I Bayaran secara kredit menggalakkan pembeli berbelanja secara berhemah.  
II Bayaran secara kredit menyenangkan pembeli mendapat perkhidmatan selepas jualan.
- 37 I Keluaran purata ialah perubahan jumlah keluaran akibat perubahan seunit input berubah.  
II Jumlah keluaran ialah jumlah output yang dapat dihasilkan oleh firma dalam sesuatu jangka masa tertentu.
- 38 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan jumlah output daripada sejumlah input.  
II Produktiviti dapat ditingkatkan melalui penggunaan pakar dari luar negara.
- 39 I Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan.  
II Contoh kos sosial ialah kesan pencemaran udara kepada masyarakat akibat aktiviti pembakaran sampah secara terbuka.
- 40 I Tarif *ad valorem* ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import  
II Contoh *ad valorem* ialah Kastam Diraja Malaysia mengenakan tarif sebanyak 20% daripada jumlah nilai tayar import.

### KERTAS SOALAN TAMAT